

## قائمة الملاحق

الملحق أ: نص الفتوى عن السماح برفع الأذان وصلاة الجماعة في كل مساجد ولاية قدح دار الأمان



Ruj : (٢٤) dlm. JMNM(ف) 60٥-Jld.26

### JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AI-HUKMI

(SIRI 4/2020)

#### PERKARA: KEBENARAN MENJALANKAN AKTIVITI AZAN DAN SOLAT BERJEMAAH DI SELURUH MASJID DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Menjunjung titah perintah KDYMM Tuanku Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan 3 (PKP 3) yang diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 10 April 2020 kesan daripada penularan wabak pandemik Covid-19 maka Jabatan Mufti Negeri Kedah ingin memaklumkan bahawa KDYMM Tuanku Sultan telah perkenan diadakan kembali solat berjemaah di seluruh masjid dalam Negeri Kedah Darul Aman. Sehubungan dengan itu:

1. Solat fardhu berjemaah di masjid hendaklah diadakan kembali untuk memastikan syiar Islam terus terpelihara lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia ini berkuat kuasa serta merta. Hal ini berdasarkan:

a) Firman Allah سبحانه وتعالى :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ  
وَلَمْ يَحْشَ إِلاَّ اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ۝ ١٨ (Al-Taubah:18)

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

b) Sabda Nabi ﷺ :

فقد روي الإمام الطبراني عن سلمان رضي الله عنه عن النبي ﷺ قال: "مَنْ تَوَضَّأَ  
فِي بَيْتِهِ فَأَحْسَنَ الوُضوءَ، ثُمَّ أتَى المَسْجِدَ فَهُوَ رَائِدُ اللهِ، وَحَقَّ عَلَى المَرْؤَرِ أَنْ  
يَكْرِمَ الرَّائِدَ".

رواه الطبراني في الكبير، وصحح الهيثمي والسيوطي سنده، وروى البيهقي نحوه موقوفاً على  
أصحاب رسول الله ﷺ بإسناد صحيح، كما قال المنذري. (مجمع الرواد 31\2)

Maksudnya: "Barang siapa yang berwudhuk di rumahnya dengan sebaik-baiknya kemudian dia mendatangi masjid maka dia menziarahi Allah سبحانه وتعالى. Adalah menjadi kemestian orang yang menziarah dimulikan oleh orang yang diziarahnya.

c) Pandangan Fuqaha':

"قال أبو العباس وأبو إسحاق: هي فرض كفاية يجب إظهارها في الناس فإن امتنعوا من إظهارها قوتلوا عليه"

Maksudnya: Berkata Abu Abbas dan Abu Ishaq: Solat fardhu berjemaah adalah fardhu kifayah. Ia mesti dizahirkan secara berjemaah dalam masyarakat. Sekiranya mereka enggan (pihak berwajib) hendaklah memerangi mereka atau memaksa mereka.

d) Kaedah Fiqh:

"ما لا يدرك كله لا يترك كله"

Maksudnya: "Sesuatu (ibadah) yang tidak boleh dilakukan secara keseluruhannya maka tidak boleh ditinggalkan secara keseluruhannya."

Berdasarkan kaedah fiqh di atas menunjukkan bahawa jika tidak dapat melaksanakan kewajiban melakukan ibadah di masjid seperti solat jumaat, solat fardhu berjemaah seperti lazimnya dan sebagainya disebabkan kekangan dan halangan yang boleh membawa kepada kemudharatan (Covid-19) maka diharuskan melakukannya (ibadah di masjid) setakat yang dapat mengawal penularan wabak dengan penjagaan yang rapi.

2. Dengan itu, solat fardhu berjemaah dibenarkan dengan bilangan jemaah maksimum seramai TIGA (3) orang sahaja melibatkan Imam, Pegawai Masjid / Jawatankuasa Kariah secara bergilir-gilir dalam satu waktu dan kedudukan antara sesama ahli jemaah dijarakkan satu meter seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Hanya jemaah yang sihat sahaja dibenarkan mendirikan solat berjemaah di masjid.

3. Kebenaran mendirikan solat jemaah dengan jumlah yang maksimum ini adalah pilihan yang terbaik buat masa kini bagi memastikan rumah Allah سبحانه وتعالى sentiasa dimakmurkan dan tuntutan Fardhu Kifayah dapat dilaksanakan secara optima.
4. Penjarakkan sosial dalam saf-saf solat jemaah dalam situasi wabak Covid-19 yang berlaku ini tidak menghilangkan kelebihan/ pahala berjemaah kerana faktor *dharurah* /keperluan berdasarkan hujah berikut:

a) Firman Allah سبحانه وتعالى :

(Al-Baqarah: 286) لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: "Allah tidak membebani seseorang kecuali sesuai dengan batas kemampuannya".

b) Firman Allah سبحانه وتعالى :

(Al-Taghabun:16) ....فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Yang bermaksud: Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sedaya upaya kamu.

c) Sabda Nabi ﷺ :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَاتَّبِعُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ....الحديث " . رواه البخاري ومسلم.

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah Abdul Rahman ibn Sukhrin r.a beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesuatu yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kepada kamu, maka hendaklah kamu lakukannya seberapa daya kamu."

d) Kaedah Fiqh :

"الميسور لا يسقط بالمعسور"

Maksudnya: "Yang mudah tidak gugur disebabkan perkara yang sukar".

5. Dalam keadaan kedudukan antara sesama ahli jemaah dijarakkan satu meter ketika mendirikan solat dalam situasi uzur syarie (PKP 3) maka pahala saf tetap diperoleh berdasarkan pandangan:

"نعم إن كان تأخرهم لعذر كوقت الحر بالمسجد الحرام فلا كراهة ولا تقصير كما هو ظاهر"  
(تحفة المحتاج بشرح المنهاج للإمام ابن حجر الهيتمي، دار الكتب العلمية، ج 3، ص: 113).


*Maksudnya: Ya! Jika para makmum berada dalam jarak yang jauh kerana sesuatu keuzuran contohnya seperti panas terik di dalam Masjid al-Haram maka hukumnya tidak makruh (iaitu tidak luput fadhilatnya bagi mereka) dan tidak dianggap cuai.*

6. Jabatan Mufti Negeri Kedah sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia bagi menangani penularan wabak virus corona daripada terus berleluasa. Bagaimanapun, pada masa yang sama dalam situasi ini syiar Islam hendaklah dilaksanakan juga sekadar yang termampu. Mudah-mudahan kita semua mendapat perlindungan daripada-Nya.
7. Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah juga amat menghargai kesungguhan muslimin/muslimat dalam mematuhi arahan PKP 3 yang dikemaskini dari semasa ke semasa. Bersama-sama kita terus bermunajat kepada Allah سبحانه وتعالى dengan penuh keinsafan dan pengharapan agar Allah سبحانه وتعالى mengangkat musibah yang melanda dunia ketika ini.

Dengan pemakluman ini maka Irsyad Al-Hukmi Siri 3/2020 adalah dengan sendirinya terbatal.

حسبنا الله ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

Yang menjalankan amanah:

  
DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.  
Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Tarikh: 15 April 2020 bersamaan 21 Syaaban 1441

الملحق ب: نص الفتوى عن عقد النكاح عن طريق تطبيق مؤتمرات الفيديو (Video Conferencing)  
طوال فترة حظر التجوال



Bil. :( 27 ) dlm.JMNK(F)602 Jld.26

**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
IRSYAD AL-HUKMI**

(SIRI 5/2020)

**PERKARA: AKAD NIKAH MELALUI APLIKASI “VIDEO CONFERENCE” SEPANJANG  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Merujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Akad Nikah Menerusi Sidang Video (*Video Conference*) maka, Jabatan Mufti Negeri Kedah berpandangan pelaksanaan akad nikah melalui kaedah tersebut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

1. Akad nikah melalui aplikasi Sidang Video (*Video Conference*) adalah **SAH** mengikut hukum Syarak dengan memenuhi syarat-syarat yang berikut:
  - i. Akad nikah tersebut hendaklah dilakukan dalam **satu majlis** (اتحاد المجلس) supaya semua pihak yang berkenaan (pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali dan dua orang saksi) terlibat secara langsung semasa pelaksanaan **ijab dan qabul**.
  - ii. Majlis tersebut **hendaklah** berlangsung pada tahap “**al-yakin**” (اليقين) bukan “**al-zhan**” (الظن).
  - iii. Tidak ada unsur **penipuan** (الغرر) dan sebarang keraguan.
  - iv. Semua rukun dan syarat-syarat sah nikah **hendaklah mengikut hukum Syarak**.
  - v. Digalakkan wali pengantin perempuan mengkad-nikahkan pasangan.

- vi. Jika terputus sidang video / siaran tersebut dalam **tempoh masa yang lama (gap)** antara *sighah* (ijab dan qabul) maka **akad nikah tersebut hendaklah diulang semula.**
  - vii. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.
  - viii. Tertakluk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 atau apa-apa peraturan yang sedang berkuat kuasa.
2. Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah menasihati semua pihak yang terlibat dalam perkara ini agar dapat mematuhi dan menyokong penuh arahan PKP yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menangani penularan wabak *pandemik Covid-19* semasa melaksanakan akad nikah menerusi Sidang Video (*Video Conference*).

حسبنا الله ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

Disahkan Oleh :

  
**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG**  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.  
Mufti Negeri Kedah Darul Aman.  
Tarikh: 19 April 2020 bersamaan 25 Syaaban 1441

Bil. :( 30 )dlm.JMNK(F)602 Jld.26



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
IRSYAD AL-HUKMI**

(SIRI 6/2020)

**PERKARA: HUKUM MENJALANI UJIAN SARINGAN PERUBATAN  
(NASOPHARYNGEAL SWAB) COVID-19 KETIKA BERPUASA**


Merujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21 April 2020 mengenai Hukum Menjalani Ujian Saringan Perubatan Covid-19 (Nasopharyngeal Swab) ketika berpuasa di bulan Ramadan maka Jabatan Mufti Negeri Kedah berpandangan seperti berikut :

1. Prosedur saringan untuk mengesan penyakit Covid-19 dengan mengambil sampel lendir (mukus) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan rongga hidung paling atas (*nasopharynx*) dan rongga mulut hingga ke kawasan anak tekak (*oropharynx*) di siang hari bulan Ramadan adalah **tidak membatalkan puasa**. Ini berdasarkan pandangan dan penjelasan daripada doktor pakar bahawa proses pengesanan secara *swab* iaitu alat yang dimasukkan ke dalam mulut tidak sampai kepada *halaq* (الخلق) yang boleh membatalkan puasa. Demikian juga alat yang dimasukkan ke dalam hidung tidak sampai ke pangkal hidung yang boleh membatalkan puasa. Bagaimanapun, jika proses pengesanan penyakit tersebut dilakukan di malam hari adalah lebih baik.

2. Bagi pesakit yang positif Covid-19 yang **dalam pemantauan dan memerlukan pengambilan ubat-ubatan** maka mereka **diharuskan untuk tidak berpuasa**. Mereka hendaklah **menggantikan puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan itu**.
  
3. Sementara bagi pesakit yang tersebut yang **dalam pemantauan tetapi tidak memerlukan pengambilan ubat-ubatan** maka mereka **diwajibkan** melaksanakan ibadah puasa. Bagaimanapun, jika dengan berpuasa akan memudharatkan lagi keadaan mereka maka dalam kondisi ini mereka **diharuskan tidak berpuasa** (dengan syarat atas nasihat pakar perubatan). Mereka hendaklah **menggantikan puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan itu**.

حسبنا الله ونعم الوكيل ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

Disahkan Oleh :

  
DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.

Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

Tarikh: 26 April 2020 bersamaan 3 Ramadan 1441